



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

07 Zulkaedah 1441 / 29 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Isnin, 07 Zulkaedah 1441H bersamaan 29 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, terdapat **409** orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **2,698** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 112 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 29,223 ujian.

4. Berikutan makluman mengenai *BruHealth App*, Alhamdulillah setakat ini seramai 405,034 ahli telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah 10,879 telah mendaftar. Manakala, berkenaan aplikasi *premiseScan* pula, sejumlah 5,948 telah dimuat turun oleh 4,262 premis perniagaan.

5. Seterusnya, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa mulai hari Jumaat, 11 Zulkaedah 1441H bersamaan 03 Julai 2020M, pemegang kod BruHealth berwarna kuning akan dibolehkan untuk menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara. Oleh itu, mereka bolehlah membuat tempahan (booking) slot untuk menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat mulai hari ini.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 07 Zulkaedah 1441H / 29 Jun 2020